**MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**
**ISTANA KEHAKIMAN**
**PRESINT 3**
**62506 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-88803500
03-88803995
Fax : 03-88804003
Laman Web:http://www.kehakiman.gov.my

*Ruj Tuan* :

*Ruj Kami* : JK/MP 116(53)/ 726/1(9 )

*Tarikh* : November 2010

Semua Pengarah
Mahkamah-Mahkamah Negeri
**SELURUH MALAYSIA**

Y.Bhg. Datin/Tuan/Puan,

**LARANGAN MENJALANKAN TUGAS PESURUHJAYA SUMPAH DI LUAR WAKTU PEJABAT**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dikepilkan surat dari Y.Bhg. Dato' Ketua Pendaftar dalam siri yang sama bil. (8) bertarikh 10 November 2010 dengan maksudnya tersendiri untuk diedarkan kepada semua Pesuruhjaya Sumpah (Pejawat Awam) di bawah seliaan Y.Bhg. Datin/tuan/puan.

3. Kerjasama Y.Bhg. Datin/tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah

**(ASYIDA BINTI ABD RAHIM @ IBRAHIM)**
bp. Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

s.k.:

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

msuratammydokumen

*Ruj. Kami:* JK/MP 116(53)/726/1(8)

*Tarikh:* 10 November 2010

Semua Pesuruhjaya Sumpah
Mahkamah-Mahkamah
Seluruh Malaysia

Tuan/Puan,

**LARANGAN MENJALANKAN TUGAS PESURUHJAYA SUMPAH DI LUAR WAKTU PEJABAT**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Pejabat Ketua Pendaftar telah menerima aduan bahawa terdapat segelintir Pesuruhjaya Sumpah (Pegawai Awam) yang bertugas di mahkamah-mahkamah seluruh Malaysia menjalankan tugas Pesuruhjaya Sumpah di luar waktu pejabat terutamanya di pejabat-pejabat peguam.

Rujuk Kaedah 13(2)(g) Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993

(2) Dalam menjalankan fungsi-fungsinya, seseorang Pesuruhjaya Sumpah hendaklah sendiri melayan mana-mana orang yang menghendaki perkhidmatannya, dan hendaklah –

(g) bersedia menjalankan semua fungsi jawatannya pada waktu yang tetap dan munasabah

3. Tuan/Puan adalah diingatkan untuk bertugas hanya dalam waktu pejabat masing-masing sahaja. Tuan/Puan adalah dilarang untuk bertugas di luar waktu pejabat sama ada di dalam atau di luar pejabat. Tindakan membatal pelantikan dan/atau tatatertib boleh diambil terhadap mana-mana Pesuruhjaya Sumpah (Pegawai Awam) yang didapati melanggar arahan ini dan Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993.

Sekian terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)**
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

....2/-

s.k. YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia

Semua Pengarah Mahkamah
Seluruh Malaysia.

*(Y.Bhg Datin/Tuan/Puan adalah diarah untuk memantau semua Pesuruhjaya Sumpah (Pegawai Awam) yang bertugas di semua mahkamah di negeri masing-masing dari masa ke semasa)*